



KENYATAAN MEDIA

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN

KES ALAM SEKITAR YANG DIBAWA KE MAHKAMAH DAN TELAH SELESAI:

PENDAKWARAYA

LAWAN

MAS AERO SERVICES SDN BHD SDN BHD (NO SYARIKAT: 277266-X)

19 Jun 2024 – Mas Aero Services Sdn Bhd merupakan premis perkhidmatan dobi industri di atas Lot 32190, Jalan Permata 1, Kawasan Perindustrian Arab Malaysian, Nilai, Negeri Sembilan.

2. Pada 8 Julai 2021 pada jam sekitar 4.30 petang, sepasukan pegawai dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menjalankan siasatan penguatkuasaan ke premis tersebut. Semasa siasatan aduan dijalankan, mendapati kilang beroperasi dan efluen dihasilkan dilepaskan ke perairan pedalaman melalui takat pelepasan akhir Sistem Pengolahan Efluen premis tersebut. Empat (4) contoh rasmi buangan terjadual telah diambil di longkang akhir kilang berkenaan dan dihantar ke Jabatan Kimia, Petaling Jaya untuk dianalisa oleh Ahli Kimia Kerajaan.

3. Keputusan analisa daripada Makmal Kimia Petaling Jaya , no makmal: **B(AS)01103/21** bertarikh **18 Ogos 2021** menunjukkan ianya melebihi had kepekatan yang ditetapkan di bawah Peraturan 11(1)(a) dan Peraturan 12(a), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu:

- i) **BOD₅ pada 20degC** yang mempunyai kepekatan sebanyak **33 mg/L** iaitu melebihi had kepekatan yang ditetapkan iaitu **20 mg/L**;
- ii) **Minyak dan Gris** yang mempunyai kepekatan sebanyak **16 mg/L** melebihi had kepekatan yang ditetapkan iaitu **1.0 mg/L**;
- iii) **Kandungan COD** yang mempunyai kepekatan sebanyak **201 mg/L** melebihi had kepekatan yang ditetapkan iaitu **80 mg/L** ;

4. Pihak premis telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan 11(1)(a) dan Peraturan 12(a), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan boleh dihukum di bawah Peraturan 32, Peraturan yang sama.

5. Hakim Mahkamah Sesyen 4, Seremban, Yang Arif Puan Mazni binti Nawi telah mensabitkan kesalahan yang dilakukan oleh premis tersebut telah Syarikat telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM 50,000.00.

6. Pihak OKS yang diwakili oleh Cik Farah binti Othman selaku Pembantu Pengurus syarikat telah membuat pengakuan bersalah di atas dua (2) pertuduhan yang dibacakan dan membayar denda seperti yang ditetapkan. Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Puan Zainoorliza Binti Zainal Abidin.

7. JAS Negeri Sembilan akan sentiasa mengambil tindakan tegas dan tiada kompromi kepada penjenayah alam sekitar. Saya menyeru orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar melalui:

- i. Portal e-aduan.doe.gov.my (<https://eaduan@doe.gov.my>)
- ii. Call centre 1-800-88-2727
- iii. Emel aduan_k@doe.gov.my

Sekian.

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN 6 JUN 2024

